**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**
**CAWANGAN PULAU PINANG**

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** berstatus Bumiputera (Jawatan Pentadbiran) yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **Tetap di Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang.**

**A. JAWATAN PENTADBIRAN**

| BIL | JAWATAN | GRED | SKIM PERKHIDMATAN | JADUAL GAJI | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | MINIMUM | MAKSIMUM |
| **KUMPULAN PELAKSANA** | | | | | |
| 1. | PEMBANTU BELIA DAN SUKAN | S19 | Pembantu Belia Dan Sukan | RM 1,352.00 | RM 4,003.00 |

**JAWATAN PENTADBIRAN**

**PEMBANTU BELIA DAN SUKAN (S19)**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) Warganegara Malaysia;

(b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED S19**

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan pada gred S19 : RM1,352.00) ; atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred S19 : RM1,408.40); atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred S19: RM1464.80); dan

(d) Keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai pengalaman dalam kegiatan-kegiatan belia dan sukan.

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PERHATIAN KEPADA PEMOHON**

1. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan- Badan Berkanun MESTILAH MELALUI KETUA JABATAN dan hendaklah disertakan dengan SALINAN KENYATAAN PERKHIDMATAN YANG DIKEMAS KINI.

2. Setiap permohonan MESTILAH disertakan dengan SALINAN dokumen berikut yang telah DISAHKAN:
    - Kad Pengenalan
    - Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
    - Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)
    - Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada / terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja / penetapan gaji
    - Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemas kini (bagi kakitangan kerajaan/ Badan Berkanun/ separa kerajaan yang sedang berkhidmat)
    - Salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun berturut-turut (penjawat awam)

3. Nama jawatan, bidang dan fakulti yang dipohon hendaklah dinyatakan di penjuru atas sebelah kiri sampul surat permohonan.

4. Borang yang tidak lengkap dan permohonan calon dari jabatan kerajaan / badan berkanun / separa kerajaan yang tidak memohon melalui majikan tidak akan diproses.

5. Hanya pemohon-pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.

6. Pemohon yang tidak menerima jawapan daripada pihak universiti selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap tidak berjaya.
7. Pemohon-pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang.

**CARA- CARA MEMBUAT PERMOHONAN**

(a) Seorang pemohon hanya boleh memohon untuk **SATU** jawatan yang diiklankan sahaja.
(b) Permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang Perjawatan UiTM yang boleh didapati dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam https://penang.uitm.edu.my/bertam/
(c) Tarikh tutup permohonan adalah pada 04 Januari 2021 (Isnin).
(d) Sila kemukakan permohonan kepada:

TIMBALAN PENDAFTAR KANAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS BERTAM
13200 KEPALA BATAS
PULAU PINANG
NO. TEL: (04) 562 3454/562 3430/562 3425
Tarikh iklan : 21 Disember 2020 (Isnin)